



enhancing and elevating the capability of the regular teacher. The paper also identifies the significant elements that are infused into the training programme to produce beneficial results.

MDP- 31
**INTRODUCING MATHEMATICAL MODELLING IN THE
MALAYSIAN SCHOOL CURRICULUM**

Leong Kwan Eu
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

This paper investigates the importance of introducing mathematical modelling in the Malaysian classrooms. By going through the mathematical modelling processes, students are exposed to the real life problems. In addition, by solving real-world problems would help one in making conjectures and reasoning that is one of the important focus in the mathematics curriculum. When solving the modelling tasks, students are not only required to formulate a model but also verifying that the model fits the real world problems. Modelling tasks are meant to show how modelling is an essential tool in the teaching and learning of mathematics. The implication of introducing mathematical modelling in the Malaysian mathematics curriculum will be discussed.

MDP- 32
**PERSEPSI PENGETUA DAN GURU-GURU TERHADAP
GURU PELATIH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (ISMP) DAN
GURU SANDARAN TIDAK TERLATIH (GSTT)**

Marlina Mohamad
*Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

Guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) merupakan dua kumpulan program guru hasil daripada transformasi sistem pendidikan dalam mewujudkan sistem pendidikan yang dinamik seiring untuk memenuhi aspirasi negara. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji persepsi pengetua dan guru-guru terhadap guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dari aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, aktiviti di luar kelas dan sahsiah diri. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan dan sampel kajian terdiri daripada 269 orang di kalangan pengetua dan guru-guru di sepuluh buah sekolah menengah harian di negeri Johor. Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science Version 21* (SPSS 21) berdasarkan analisis statistik deskriptif dan inferensi menggunakan ujian-T tidak bersandar di mana dapatan kajian dipaparkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan skor min. Dapatan kajian mendapati pengetua dan guru-guru mempunyai persepsi yang baik terhadap guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dari ketiga-tiga aspek iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, aktiviti di luar kelas dan sahsiah diri. Berlainan dengan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), pengetua dan guru-guru beranggapan bahawa aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar hanya berada pada tahap sederhana sahaja melainkan aspek sahsiah diri berada pada tahap baik. Oleh itu, dapatan kajian ini mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dari ketiga-tiga aspek.